

MELAYU SARAWAK

SEJARAH YANG HILANG



Arkib
DS
597.367
S227
2013

SANIB SAID



Melayu Sarawak Sejarah Yang Hilang

**P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS**



1000247429

Melayu Sarawak Sejarah Yang Hilang

SANIB SAID

**Universiti Malaysia Sarawak,
Kota Samarahan, Sarawak
2013**



© Sanib Said, 2013

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti Malaysia Sarawak
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

Indah Business Forms Sdn Bhd
Lot 1191, Jalan Gedung
Pending Industrial Estate,
93450 Kuching
Sarawak

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

Sanib Said, 1953,

Melayu Sarawak Sejarah Yang Hilang / SANIB SAID.

Includes index

Bibliography: 197

ISBN 978-967-5527-45-6

1. Malays--Sarawak--History

2. Malays--Sarawak--Social life and Customs. I.Judul.

305-899230959522

Kandungan

	<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
	<i>Pendahuluan: Melayu Sarawak:</i> <i>Sejarah, Falsafah dan Fakta</i>	1
1	Pensejarahan Sarawak: <i>Mencari Makna Besar</i>	11
2	Mencari Manuskrip dan Puak yang Hilang: <i>Penyelidikan Perpustakaan dan Arkib</i>	25
3	Asal Usul Sarawak: <i>Pembentukan Negeri- Negeri Melayu</i>	37
4	Sastera Rakyat di Sarawak: <i>Peranan Jabatan Muzium Sarawak</i>	59
5	Pakaian Melayu Sarawak Sekitar Tahun 1840-an: <i>Catatan Hugh Low</i>	73
6	Manuskrip Melayu-Jawi di Borneo: <i>Penelitian Awal</i>	85

7	Pembentukan Negeri Melayu: <i>Pembacaan Pascamodenisme Awal Syair Tarsilah Cetera Awang Gudam Dangan Temenggong Qadir Negeri Saribas</i>	105
8	Dinasti Brooke. 1841-1941: <i>Merampas Kuasa Melayu</i>	121
9	Sharip Masahor dan Syed Mashhor: <i>Analisis Identiti dan Politik Kolonialisme British</i>	149
10	Soal Peta, Bumi atau Hati: <i>Sejarah dan Masyarakat Perbatasan Sarawak-Kalimantan</i>	165
11	45 Tahun Pembentukan Malaysia, 1963- 2008: <i>Menziarah Makam Negara Bangsa</i>	183
	Rumusan: Menemui Melayu di Sarawak	193
	Bibliografi	197
	Indeks	215

Prakata

Kegemaran saya yang utama ialah membaca dan menulis. Ketika usia menjangkau setengah abad, dapat saya rumuskan bahawa meskipun banyak buku yang telah ditelaah, namun saya hanya berkesempatan menerbitkan dua buah buku. Saya juga banyak menulis kertas kerja dan artikel dalam tempoh tersebut, sama ada ketika bekerja di dalam atau di luar universiti. Kertas kerja dan artikel jurnal saya berselerak, tetapi mempunyai fokus dan tema tertentu itu kadangkala saya sendiri tidak lagi mempunyai salinan.

Saya perhatikan bukan saya seorang yang melakukan kesalahan yang berat ini; kurang menghargai ilmu sendiri sehingga dilupai dan terlantar di dalam fail ataupun terapung-apung di alam maya. Apabila kembali ke dunia akademia semua ini menjadi lebih penting; bukan sekadar kerenah tuntutan perkiraan kerjaya, tetapi yang lebih penting adalah untuk menyumbang sedikit titisan di dalam lautan ilmu tanpa tepian dan had masa itu.

Ada dua orang insan yang menyakinkan saya akan pentingnya mengumpul kertas kerja dan artikel dijadikan buku. Orang yang pertama ialah Profesor Abdul Halim Ali semasa di Institut Pengajian Asia Timur, Univeristi Malaysia Sarawak, yang nampaknya berkenan

dengan tulisan dan perspektif yang dikemukakan. Mungkin disebabkan tidak banyak bahan mengenai Melayu di Sarawak sehingga beliau tiada pilihan lain dan kemudian membawa saya menyertainya di Institut itu.

Orang yang kedua dan jauh lebih muda ialah Dr. Awang Azman Awang Pawi yang menyertai Kursi Nusantara pada pertengahan tahun 2011. Di Institut, kami sering berjumpa dan berwacana akademik, dan mungkin juga oleh faktor e-mel yang sering dihantar bertanyakan khabar berkenaan perkembangan penyediaan manuskrip ini seolah-olah sebagai suatu desakan intelektual.

Akhirnya, saya bersetuju dan mula mengumpul tulisan saya dari awal dekad 1980-an. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih dengan tulus ikhlas untuk dua sarjana yang mewakili dua generasi ini.

Artikel berbentuk akademik yang pertama diterbitkan pada tahun 1980, 31 tahun lalu, tersenarai di *Google Scholar* dan masih menjadi rujukan. Apabila membaca semula tulisan lama ini ternampak kedangkalan zaman muda mencuba pentafsiran dan fakta yang sukar untuk diakuri pada masa ini. Saya tidak berani mengubahnya kerana ada yang telah dirujuk oleh sarjana tua dan muda dan tiada pula yang cuba membatalkan hujah pentafsiran itu, dan juga untuk melihat perkembangan pemikiran saya. Terdapat juga perbezaan dalam penulisan jika dibandingkan semasa menjadi seorang penjawat awam dan seorang pensyarah. Penilai terakhir ialah para pembaca, tidak kira siapa mereka dan tidak kira apakah pandangan mereka.

Dalam tempoh yang begitu lama sudah pasti ramai yang telah bermurah hati memberikan nasihat, dorongan dan pandangan yang tidak dapat saya lupakan dan balas selain merakamkan terima kasih yang ikhlas di sini. Antara mereka ialah Tan Sri Safri Awang Zaidel, Tan Sri Adenan Satem, Profesor Khoo Kay Kim, Abdul Malik

Munip, Profesor Abdullah Zakaria Ghazali, Profesor Datuk Abdul Rashid Abdullah, Dr Mahmud Embong, Dr Jeniri Amir, Dr Ahi Sarok, Dr Mus Chairil Samani, staf IPAT, Bahagian Penerbitan dan mereka yang tidak sempat disebut di sini.

Sudah pasti tidak dapat dilupakan sumbangan seorang isteri yang setia, Fatimah Abdul Malik, yang merelakan saya bersama-sama buku dan komputer, siang dan malam jika diperlukan, dan juga sebagai graduan sejarah menjadi penyunting dan pembaca terakhir. Kedua-dua orang anak saya, Dr Salawati dan Dr Siti Amalina, nampaknya kini lebih berminat dalam bidang sejarah perubatan. Bagaimanapun, saya seorang sahaja bertanggungjawab atas semua kekhilafan dan kekurangan yang terdapat dalam buku ini.

**Sanib Said
Institut Pengajian Asia Timur
Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan, Sarawak**

Pendahuluan

Melayu Sarawak: Sejarah, Falsafah dan Fakta

Makna Sejarah

Istilah “sejarah” telah diertikan sebagai “history” dalam bahasa Inggeris dan “tarikh” dalam bahasa Arab. Walaupun berasal daripada perkataan Arab, “syajarah” yang bererti “pokok”, tetapi telah dicipta semula oleh orang Melayu pada abad ke-17 dengan pengertian tersendiri.¹ Tarafnya sebagai sepatah perkataan terkenal telah dijaja sebagai judul buku *Sejarah Melayu*, judul yang dibuat oleh Stamford Raffles untuk sebuah kitab yang dituliskan dalam teks sebagai “. . . maka fakir namanya hikayat ini Sulalat us-Salatin, yakni [p]etuturan [s]egala [r]aja-[r]aja.” Pada tahun 1812 perkataan “sejarah” dijadikan judul oleh Stamford Raffles yang terdapat dalam catatan rujukan, “CHERITA MELAYU, iaitu Sejarah

¹ Untuk perbincangan lanjut sila lihat Arba'iyah Mohd Noor, “Idea Sejarah Melayu: Kajian Berdasarkan Teks *Sejarah Melayu*, *Misa Melayu* dan *Tuhfat al-Nafis*” (Universiti Malaya, 2007); Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah* (Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).

Melayu, Raffles MS No. 18. Library Royal Asiatic Society, London”.² Seterusnya W.G. Shellabear, seorang paderi, telah melakukan *transliterasi* and menerbitkannya dengan judul “*Sejarah Melayu*” pada tahun 1909 yang menjadi buku teks bagi mata pelajaran Sastera Melayu sekolah menengah di Malaysia untuk sekian lama. Walaupun pada mulanya mata pelajaran tersebut dinamai “Tawarikh” seperti perkataan yang digunakan oleh orang Arab, “al-Tarikh” nampaknya kurang digemari oleh sistem pendidikan negara ini.

Istilah “sejarah” mempunyai erti dan maksud yang pelbagai mengikut keadaan, peristiwa dan kegunaan pada sesuatu masa dan tempat. Penggunaan harian perkataan “sejarah” sering membawa maksud sesuatu yang penting yang tidak mudah dilupakan. Sehubungan dengan hal itu, pada tahun 460ESS di Yunani, seorang bernama Herodotus telah menulis buku berjudul *Histories*. *Histories* bererti penyelidikan mengenai peperangan antara Yunani dan Farsi yang kemudian diambil oleh orang Inggeris untuk dijadikan *History*.

Penelaahan karya kuno ini telah melahirkan suatu ilmu baharu dengan *History*, iaitu ilmu penyelidikan mengenai peristiwa telah berlaku pada masa silam. Bapa sejarawan moden ialah Ibn Khaldun (m. 1406) yang banyak menulis buku, tetapi yang terkenal di dunia Barat ialah *Kitab al-Ibar* yang kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris pada tahun 1958 dengan judul *Muqadimmah: An Introduction to History*. Pendekatan dan pemikiran beliau banyak mempengaruhi aliran sejarah modenisme Rankean dan aliran Annales.

² R. Roolvink, “Sejarah Melayu: Masalah Versi-Versi Lain”, dlm. Ismail Abdul Rahman Haji, Boon Kheng Cheah, and Richard Winstedt, *Sejarah Melayu*, Ed. Rumi baru. ed. ([Kuala Lumpur]: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998). ms. 21-35.

Falsafah dan Fakta

Sehingga kini, "sejarah" sebagai disiplin ilmiah ialah kaedah penyelidikan mengenai masa silam manusia yang dibukukan. Bagaimanapun, ahli falsafah, sejarawan dan kini sasterawan sering berdebat mengenai bagaimana mengkaji masa silam yang tidak dapat diulang seperti dalam makmal. Tambahan pula, yang perlu dikaji adalah terlalu banyak, dan yang terlibat dalam sesuatu peristiwa masa silam tidak mungkin dapat direkonstruksi semula dengan tepat dan sepenuhnya dalam sebuah buku. Orang baharu dalam perbahasan ini, para sasterawan, menelaah teks yang ditulis dalam bentuk buku oleh sejarawan mendapati bahawa karya mereka tidak jauh berbeza daripada karya fiksyen yang berunsur imaginasi dan khayalan penulis yang mengandungi struktur *emplotment*³ yang mendasari pemikiran pascamodenisme pada abad ke-21 ini.

Pendekatan dan konsep pengajian masa silam mulai abad ke-18 apabila sejarah menjadi ilmu yang penting. Seorang sejarawan yang muncul dan menjadi sanjungan ialah sarjana Jerman, Leopold von Ranke. Beliau telah mewarnai penyelidikan dan penulisan sejarah di Eropah dan kemudian di dunia yang digelar sebagai aliran modenisme serta dikenali dengan julukan sifat *Rankean* sempena nama beliau.

Aliran modensime menekankan penggunaan sumber asal dalam berbagai-bagai bentuk, khususnya yang rasmi. Berbagai-bagai data dan fakta diandaikan sah dan dapat digunakan untuk merekonstruksi naratif masa silam dengan tepat. Hal ini dianggap sebagai kaedah untuk mencapai matlamat akhir aliran ini, iaitu *wie es eigentlich gewesen*, membina semula seperti sesuatu yang telah berlaku. Tujuan lain adalah untuk mencapai kebenaran agar dapat dijadikan teladan raja, pemerintah dan orang ramai supaya

³ H. White, "Historical emplotment and the problem of truth," *Probing the Limits of Representation* 49(1992)

tamadun manusia terus naik ke tahap yang lebih baik hingga mencapai puncak ketamadunan yang diidamkan.⁴

Bagi mencapai matlamat ini, von Ranke mengutamakan pencarian dan penggunaan sumber rasmi untuk mencari fakta yang sahih dan benar yang dilakukan oleh pihak pemerintah dan rasmi, iaitu raja-raja dan pengawainya. Tambahan kepada pendekatan von Ranke ialah pandangan sejarawan Inggeris, R. G. Collingwood, yang mengatakan bahawa sejarah mengkaji tindak-tanduk manusia dan keputusan yang diambil oleh manusia pada sesuatu peristiwa di sesuatu tempat. Sejarah tidak mengkaji dunia ghaib yang dihuni oleh hantu, dewa-dewi dan tuhan dan sememangnya di luar kemampuan manusia berbuat demikian. Sifat sejarah ialah humanistik. Hal ini akan membuka benak pemahaman kita tentang banyak sejarah kerajaan Melayu awal.

Kekebalan falsafah dan kaedah von Ranke mulai dicabar menjelang pertengahan abad ke-20 apabila pergolakan politik mula digegarkan oleh gerakan pekerja yang mengancam kuasa raja dan ahli politik. Yang mempunyai pengaruh kuat ialah pemikiran Karl Marx dan rakannya, Hegel melalui buku yang kemudian melahirkan aliran Annales yang telah mengusulkan sejarah harus mengkaji "orang kecil" dan bidang lain seperti sejarah sosial dan ekonomi. Di samping itu, muncul seorang sejarawan Perancis, Fernand Braudel dengan *total history* yang memasukkan faktor-faktor geografi dan mentafsir sejarah secara *longue duree* yang bersifat global seperti dalam konsep beliau *super world-economy*. Beliau meletakkan Kesultanan Melaka sebagai terulung di sebelah timur yang terjalin dengan sistem ekonomi di Lautan Mediterranean.⁵

Pertembungan aliran pemikiran sejarah dari masa ke masa tidak mengakibatkan mana-mana aliran terpinggir lalu pupus. Yang

⁴ L. Ranke, S. Austin, and R.A. Johnson, *History of the Reformation in Germany* (F. Unger Pub. Co., 1966).

⁵ Contohnya, lihat Fernand Braudel and Sian Reynolds, *The Mediterranean and the Mediterranean World in the Age of Philip II. Translated ... by Sian Reynolds*, English Translation ed., 2 vols. (London: Collins, 1972). F. Braudel and S. Reynolds, *Identity of France: People and Production* (HarperPerennial, 1992). *passim*.

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

berlaku ialah lemparan kritikan dan bukan menidakkan sesuatu aliran dengan membangkitkan beberapa kelemahan. Semua aliran pemikiran sejarah mengandungi kelemahan dan kekuatan masing-masing. Walaupun pemikiran dan pendekatan bersifat Rankean mendapat kecaman kuat daripada kalangan pascamondenis, tetapi pendekatan itu masih terus diamalkan dengan memberi pengakuan bahawa sesebuah karya itu bukan bertujuan untuk mencari dan menegakkan kebenaran.

Sebaliknya, tujuan karya itu adalah sebagai hasil penyelidikan berdasarkan sumber yang mungkin juga mengandungi data dan fakta yang tidak benar. Perbahasan dan kontroversi telah menjadikan sejarawan lebih teliti dan mempunyai peluang mencuba pelbagai pemikiran dan pendekatan yang seterusnya akan membuka pemahaman baharu sebagai tambahan kepada yang sedia ada dalam historiografi.

Penyelidikan dan Sumber

Apa-apa pun kritikan yang dilontarkan terhadap pendekatan Rankean dalam karya sejarah, kedudukan sumber dan fakta kekal menjadi landasan penyelidikan dan penulisan sejarah seperti yang diakui sendiri oleh Fernand Braudel. Beliau mengatakan bahawa asas utama sejarah ialah menghormati fakta terlebih dahulu, "*[it] is no enough to have a correct theoretical perspective: it must be put to the test of the facts.*"⁶ Mungkin selepas itu barulah sejarawan dapat membuat pentafsiran dengan lebih mantap seperti yang dianjurkan oleh E.H. Carr. Hal ini demikian sebab tanpa pentafsiran, buku sejarah menjadi kering-kontang, tanpa memberi sebarang pemahaman ke atas fakta yang diangkat daripada sumber yang dirujuk itu.⁷

⁶ Braudel and Reynolds, *Identity of France: People and Production*.

⁷ E.H. Carr, *What Is History?* (London: Penguin Group, 2008).

Ibn Khaldun, lebih awal lagi, telah mengesan bahawa wujud juga ciri-ciri berbentuk spekulasi yang mungkin akan menyebabkan masalah subjektiviti yang sangat mirip kepada pandangan pascamodenisme yang menghindari objektiviti yang seharusnya diutamakan. Bagaimanapun, sejarawan Amerika, Carl Becker, pernah juga menyatakan bahawa jika sejarawan menjadi "*the objective man*", pengasingan pengaruh sejarawan sendiri, mustahil dapat dicapai. Hal ini akan menyebabkan sejarawan tidak mampu menulis apa-apa dan menjadikan halaman kertasnya kekal putih, bersih dan kosong selama-lamanya, "*for the really detached mind is a dead mind, ... to the end of time.*"⁸ Yang penting sejarawan harus melakukan penyelidikan dan pembacaan seluas mungkin mengenai ruang dan masa kajian dan penulisannya; selepas itu terpulang kepada sejarawan atau sarjana lain untuk menilainya.

Melayu dan Sarawak

Abdul Halim Ali dalam ucap utama di Persidangan Sains Sosial Malaysia pada tahun 2008 telah menyatakan bahawa penyelidikan sains sosial di Sarawak harus cuba menghubungkan warisan etnik dengan Dunia Melayu, tempat mereka berada dari zaman asal hingga sekarang.⁹ Sarjana Barat telah gagal berbuat demikian, malah cuba menghubungkan dengan sejarah dan budaya Eropah, termasuk Yunani kuno. Mereka cuba pula ditiru oleh sarjana etnik sendiri, sehingga menyebabkan pemahaman sejarah dan budaya mereka tidak memberi makna yang mantap dan terang yang menjadi tunjang sebarang penyelidikan. Fernand Braudel telah mencadangkan sejarah secara gerak perlahan saling mempengaruhi, khususnya dalam zon masing-masing; bermula

⁸ C.L. Becker and P.L. Snyder, *Detachment and the Writing of History* (Cornell University Press, 2010).

⁹ Abdul Halim Ali, *Social Science Research in Sarawak: The Need Theory for Theory and Integrated Approach* (Bangi, Malaysia: Institute of Malaysian and International Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009); Awang Azman Awang Pawi, "Ulasan Buku *Social Science Research in Sarawak* by Abdul Halim Ali," *Akademika* 81, no. 1 (2011).

dengan yang dekat dan kemudian yang lebih jauh. Pola pemahaman dunia adalah seperti itu sehingga wujudlah konsep Eropah, Timur Tengah dan Asia, di samping konsep Dunia Barat, Dunia Arab, Dunia China dan Dunia Melayu. Dunia Melayu sama ada secara konseptual ataupun *imagined community*¹⁰ ataupun ideologi¹¹ dalam ruang dan masa bernama *the Malay Archipelago*¹² ataupun Nusantara mahupun Kepulauan Melayu.

Demi masa dan ruang, masa yang berjalan dari zaman awal dan ruang yang berubah dari petempatan prasejarah ke zaman kerajaan awal, penyatuan dalam empayar yang besar hingga ke zaman negara bangsa kini telah sama-sama dialami oleh penduduk di ribuan pulau dan kesatuan Arkipelago Melayu. Pada zaman kerajaan awal, mungkin puluhan kerajaan kecil Melayu bertaburan di merata-rata pulau yang saling berhubung dan saling mempengaruhi tanpa disekat oleh sebarang sempadan perbatasan antara mereka.

Mereka bebas berpindah-randah dari pulau ke pulau mendirikan petempatan ataupun negeri dan kerajaan. Bermula dengan kerajaan Funan di pesisir tanah daratan pada abad pertama, dan diikuti oleh Kedah di Semenanjung, Kutie di selatan Borneo, Srivijaya di Sumatera, Majapahit di Jawa dan Melaka di Semenanjung telah membina empayar yang menyatukan kerajaan dan negeri kecil dalam satu irama sejarah Melayu. Seperti yang dirumuskan oleh Oliver W. Wolters, *the rhythm of Malay history*¹³, empayar saling muncul, runtuh dan berganti yang masih diingini oleh orang Melayu sebagai suatu impian yang akan menjadi kenyataan sebagai *homeland* sejati.

Dalam mencari jawapan kepada soalan yang sering dilontarkan bukan sahaja oleh orang Melayu dari luar Sarawak, tetapi juga oleh orang Melayu Sarawak sendiri ialah "Siapa Melayu Sarawak?"

¹⁰ B.R.O.G. Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism* (USA: Verso, 1991).

¹¹ A.C. Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya* (UK: Cambridge University Press, 2002).

¹² A.R. Wallace, *The Malay Archipelago* (Cosimo Classics, 2007).

¹³ O.W. Wolters, *The Fall of Śrīvijaya in Malay History* (Cornell University Press, 1970).

Mungkin mereka terkeliru apabila terbaca buku-buku yang ditulis oleh orang Barat yang menekankan bahawa “Melayu ialah orang Dayak yang masuk Islam”.¹⁴ Jawapan kepada pertanyaan ini ialah suatu soalan juga, iaitu “Dayak ialah Melayu yang tidak masuk Islam” kerana istilah Dayak itu ialah ciptaan baharu pengembara dan pegawai Barat, Belanda terdahulu dan diikuti oleh Inggeris, di sekitar pulau Borneo pada abad ke-19. Sedangkan sebenarnya istilah Melayu telah lama digunakan sejak abad ke-7 lagi di dalam laporan China dan Barat. Pasti kerangka pemikiran kini harus menerima bahawa demi masa dan ruang silam, Melayu itu sama ada bukan Islam atau Hindu sebelum kehadiran agama Islam yang menjadi pegangan sejak abak ke-11 lagi.

Di samping itu, kerangka pemikiran kini harus menerima bahawa orang Melayu bukan hanya di Semenanjung sehingga seolah-olah Melayu berasal dari sana. Hanya yang mungkin diambil kira ialah pusat Dunia Melayu itu, seperti juga pusat tamadun lain di dunia, sering berpindah seperti dalam konsep irama dalam sejarah Melayu.¹⁵

Dalam konteks ini, sejarawan akan mencari sumber untuk dikaji dalam mencari asal-usul Melayu di Sarawak. Satu daripada ciptaan yang menjadi asas kebangsaan dan tamadun Melayu ialah wujudnya masyarakat skriptorium seperti cadangan Anthony Reid, sejarawan terkemuka mengenai sejarah Melayu walaupun rangka pemikirannya ialah Asia Tenggara yang diakui sukar untuk ditemui sebagai sebuah entiti yang dapat digarap dengan mudah.¹⁶ Bagaimanapun, Anthony Reid menyatakan bahawa satu daripada kriteria tamadun ialah pemilikan skrip, iaitu masyarakat yang ada

¹⁴ Lihat misalnya, T. Harrison, *The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia: A Socio-Ecological Survey* (London: Macmillan London, 1970); Robert Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke rule, 1841-1941* (USA: Ithaca).

¹⁵ Lihat, misalnya, pendapat, L. Andaya, “Border Crossing the Borders of Malaysian History”, National Archives of Malaysia, *Malaysian History From the Dutch Sources* (Kuala Lumpur, Malaysia: National Archives Malaysia, 2004).

¹⁶ A. Reid, “Understanding Melayu (Malay) as a source of diverse modern identities,” *Journal of Southeast Asian Studies* 32, no. 3 (2001). Lihat juga C. Chou et al., *Southeast Asia Studies: Debates and New Directions* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2006).

sistem tulisan untuk menulis kitabnya sendiri atau merakamkan hal ehwal masyarakat itu, seperti *people of the scriptures*. Pandangan demikian, turut disambut oleh G.L. Koster yang mengetengahkan konsep *Kitab Melayu*.¹⁷ Ataupun sumber-sumber lain yang dapat digunakan dalam penyelidikan, dan Jabatan Muzium Sarawak merupakan gedung sumber yang sangat terkenal dan antara yang tertua di Kepulauan Melayu yang dibina pada tahun 1891.

Di sini tersimpan beberapa manuskrip kitab Melayu-Jawi salasilah raja-raja Brunei. Dalam pada itu, terdapat juga manuskrip Melayu-Jawi mengenai asal usul negeri-negeri Melayu sebelum zaman Brunei lagi seperti *Hikayat Datuk Merpati* untuk asal-usul Negeri Santubong-Sarawak dan *Syair Tarsilah Cetera Dato' Gudam dan Temenggong Kadir Negeri Saribas* mengenai negeri tersebut.

Di samping itu, tersebut juga negeri-negeri lain seperti negeri Kalaka, Negeri Samarahan dan negeri Malano yang terbaris di utara pantai pulau Borneo. Maklumat daripada manuskrip asli ini telah dapat dikukuhkan dengan hasil penyelidikan arkeologi di Santubong, Samarahan, Kalaka dan Malano. Hasil penyelidikan menyerlahkan kepentingan tempat-tempat ini sehingga boleh ditafsirkan telah mencapai taraf negeri, bukan sekadar perkampungan.

Ketika dalam masa dan ruang kepulauan Melayu yang tiada sempadan dan walaupun telah ada sempadan negara bangsa moden, namun penduduk di perbatasan tetap memikirkan soal hati daripada soal peta dan negara bangsa. Seorang tokoh, Sharip Masahor, telah berjuang menentang penjajahan Barat bukan sahaja di Borneo, tetapi juga di Singapura, Johor, Selangor dan mungkin juga sampai ke Kedah sebagai lambang pejuang sejati dunia Melayu, *Malay nation-state*; lebih daripada sekadar sebuah angan-angan.

Begitu juga Sarawak dan penduduknya tidak dapat dipisahkan daripada dunia yang lebih besar dan tua, iaitu Dunia Melayu, yang silih berganti dan berakar umbi sama ada di Pagar

¹⁷ G.L. Koster, *Roaming Through Seductive Gardens: Readings in Malay Narrative* (Holland: KITLV Press, 1997).

Ruyung, Majapahit, Melaka, Johor ataupun Brunei. Namum begitu, ciptaan tradisi politik dan budaya tersendiri tetapi wujud untuk merencamkan sejarah dan kebudayaan



Pensejarahan Sarawak: Mencari Makna Besar

Pengenalan

*'Tong raised his eyebrows.
"Really?
They never told us that in the history
books. Are you sure?"¹*

Pensejarahan ialah istilah yang dicipta untuk erti yang sama dengan istilah Inggeris *historiography*. Pensejarahan ialah satu bidang kajian tentang karya sejarah dan membuat penilaian yang kritis berlandaskan teori dan idea sejarah.

Memandangkan sejarah ialah ilmu yang cuba mengkaji tindak-tanduk manusia pada masa silam yang bergantung pada sumber fakta yang tidak pernah lengkap, maka pengkaji terpaksa menggunakan teori tertentu, spekulasi, andaian dan tafsiran.

¹ Nigel Barley, *The White Rajah: A Biography of Sir James Brooke*, Little Brown, London, 2002. Barley is a curator in the Ethnography Department, British Museum.

Dengan menggunakan semua ini pengkaji akan terpengaruh dengan pendekatannya dan sentimennya. Apabila perkara ini berlaku, maka karya sejarahnya akan dinilai sama ada objektif atau subjektif, benar atau palsu, atau unsur *bias* dan mempunyai *centricism* tertentu.

Bagaimanapun, tiada seorang pun sejarawan yang boleh objektif dan maha adil kerana setiap insan membesar dan dididik dengan berbagai-bagai pengaruh yang akan mewarnai cara seseorang itu melakukan penyelidikan dan kemudian menulis karya sejarahnya dengan sudut pentafsiran dan analisis yang tersendiri. Kesukaran ini pernah mencetuskan definisi sejarah sendiri daripada seorang sejarawan Jerman, von Ranke² dengan manteranya, "*wie es eigentlich gewesen*" (semata-mata untuk memaparkan apa-apa yang berlaku). Bagaimanapun, ada sejarawan berpendapat sekiranya sejarah hanya catatan mengenai apa-apa yang berlaku pada masa silam, maka kajian dan karya sejarah akan menjadi *chronicle*, senarai peristiwa yang membosankan tanpa sebarang erti. Untuk mengelakkan daripada keadaan sedemikian, maka sejarawan E.H. Carr mendefinisikan sejarah sebagai pentafsiran masa silam.³ Bagaimanapun, tafsiran sedemikian kadangkala membuat karya sejarah menjadi bahan kontroversial apabila berlaku pentafsiran yang mempunyai kecenderungan tertentu. Dalam kerangka dan suasana seperti ini pensejarahan Sarawak boleh disoroti juga.

Mitos Brooke dan Great Britain

Negeri Sarawak mempunyai pensejarahan yang agak kaya dari segi kuantiti. Hampir setiap tahun ada saja buku mengenai sejarah Sarawak diterbitkan sama ada di dalam atau luar negeri. Bagaimanapun, pensejarahan Sarawak masih mempunyai banyak

² Leopold von Ranke, *History of the Reformation in Germany* (terjemahan), Routledge, London, 1905.

³ E.H. Carr, *What Is History?*, Penguin Books, Middlesex, 1961.

kelemahan jika disorot dari pelbagai segi idea sejarah. Kelemahan yang paling ketara dan yang masih berterusan sejak awal abad ke-20 lagi ialah ketaasuban sejarawan mengenai periode Dinasti Brooke, 1841-1941.

Bermula dengan karya biografi tentang James Brooke, penulisan sejarah kemudian menggunakan penulis upahan seperti Baring-Gould dan C. A. Bampfylde. Mereka telah menerbitkan sebuah buku, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs* pada tahun 1909.⁴ Selepas itu terdapat dua buah buku yang diterbitkan pada tahun 1960 dan telah menjadi seakan-akan buku teks sejarah Sarawak.

Yang pertama karya Steven Runciman, *The White Rajahs: The History of Sarawak From 1841 to 1946*,⁵ yang dilantik oleh Vyner Brooke untuk menulisnya. Buku kedua ditulis oleh Robert Payne, *The White Rajahs of Sarawak*⁶ yang disokong oleh ahli keluarga Brooke yang bertelingkah, khususnya Bertram dan Anthony. Ketaasuban yang berlanjutan ini terbukti dengan muncul karya Bob Reece, *The White Rajahs of Sarawak*⁷ pada tahun 2004 walaupun Dinasti Brooke telah berakhir 64 tahun yang lalu. Di samping itu, terdapat beberapa buah lagi buku mengenai dinasti ini.⁸

Ketaksuban ini telah mempengaruhi pemikiran dan pandangan umum, termasuk pelancong yang sekian ramai datang, bahawa seolah-olah Sarawak tidak mempunyai sejarah sebelum kemunculan seorang pemuda Inggeris bernama James Brooke. Buku-buku ini menunjukkan *bias* dan menafikan kebenaran yang menjadi ukuran pensejarahan seperti Ibn Khaldun.⁹ Dalam hal ini,

⁴ S. Baring-Gould and C. A. Bampfylde, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs, 1839-1908* (London: pp. xxiii. 464. Henry Sotheran & Co.: London, 1909).

⁵ Baring-Gould and Bampfylde, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs, 1839-1908*.

⁶ R. Payne, *The White Rajahs of Sarawak* (New York: Funk & Wagnalls, 1960).

⁷ B. Reece, *The White Rajahs of Sarawak: A Borneo Dynasty* (Singapore: Archipelago Press, 2004).

⁸ N. Barley, *White Rajah: A Biography of Sir James Brooke* (Abacus, 2002).

⁹ Ibn Khaldun yang dinobatkan sebagai bapa sejarah moden dunia mendefinisikan sejarah sebagai kebenaran, lihat Khaldūn, *The Muqaddimah: An Introduction to History*.

penulis-penulis Barat seterusnya gagal memberi periodisasi yang sebenar dan adil kepada sejarah Sarawak yang merupakan idea sejarah yang sangat penting.

Sudah tentu juga James Brooke membawa latar belakang tamadun Inggeris yang lebih besar dan hebat tanpa menghiraukan Pulau Borneo dan Kepulauan Melayu serta tamadun Melayu. Penulis-penulis ini melihat pembentukan Dinasti Brooke di sebelah timur sebagai percambahan perluasan Barat dalam zaman imperialisme dan perdagangan mereka. Bob Reece dalam buku yang lebih awal pernah juga mengatakan bahawa Dinasti Brooke merupakan *the bastard of British imperialist*.¹⁰ Kepincangan dalam penulisan sejarah oleh mereka ini boleh dicemuh sebagai *Eurocentric*. Mereka seolah-olah menulis "*from the deck of the ship, the ramparts of the fortress, the gallery of the trading houses*".¹¹ Bagi Sarawak pula, mereka meninjau dan menulis dari kapal James Brooke, *Jolly Bachelor* dan kemudian, *The Royalist* dan kapal perang angkatan laut seperti *Dido*.¹²

Oleh sebab sudut pandangan *Eurocentric* begitu tebal, penulis-penulis ini menyelitkan pengaruh moral Barat sendiri. Dalam hal ini mereka mentafsirkan James Brooke dan dinastinya sebagai penyelamat, *the noble savage* dan kononnya cuba menunaikan tanggungjawab mereka, *the whitemen's burden*. Mereka menjadi watak utama dalam sejarah atau *dramatic personae*.¹³ Bagi mereka, orang Melayu dan Dayak sebagai *the noble savages* yang tidak bertamadun, harus dididik oleh orang putih. Dengan kecenderungan sedemikian, seterusnya mereka cuba mempertahankan kebaikan Brooke sebagai *benevolent despots* dan penentang mereka seperti Sharip Masahor, Rentap, Linggir, Datu Patinggi Hj. Abdul Gafur

¹⁰ Lihat R. H. W. Reece, *The Name of Brooke : The End of the White Rajah Rule in Sarawak* (Kuala Lumpur ; Oxford: Oxford University Press, 1982).

¹¹ J.C. Van Leur, *Indonesian Trade and Society*, The Hague, 1955, ms. 126.

¹² H. Keppel, *A Visit to the Indian Archipelago in H.M. Ship Maeander. With Portions of the Private Journal of Sir James Brooke, K.C.B. Volume 2* (London: Adamant Media Corporation).

¹³ Sartono Kartodirdjo, *Indonesian Historiography*, Penerbit Kanisius, Yogyakarta, 2001.

sebagai lanun dan pemberontak. Baring-Gould dan Bampfylde menemplak satu peristiwa sebagai *The Malay Plot* atau seperti Robert Pringle menamakan bukunya *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*.¹⁴

Penulis Barat ini sangat taksud khususnya dengan pengasas dinasti ini, James Brooke. Beliau digambarkan sebagai berani, bijak, penyayang dan suci kerana kekal membujang. Beliau menjadi *romantic hero* di Barat dari dulu hingga sekarang kerana buku popular dan rencana popular masih diterbitkan.¹⁵ Gambaran yang memaparkan James Brooke sebagai bujang kerana telah tertembak pada bahagian kemaluannya mungkin satu pembohongan besar untuk menutup cerita bahawa beliau ialah seorang *homosexual* ataupun *gay*. Bujang melambangkan lelaki suci dan istimewa dan juga merujuk kepada Nabi Isa a. s. dan ini akan memukau penduduk Sarawak. Malah, John Walker membuktikan bahawa perkara ini memang terjadi apabila memetik catatan James Brooke sendiri:

... they wash my hands and my feet, and afterwards with the water sprinkle their houses and gardens. Then the gold dust, with the white cloth which accompanies it, both of which have been presented by me, is placed in the field.¹⁶

James Brooke nampaknya membiarkan sahaja perilaku ini kerana memperkuat pengaruhnya dalam kalangan penduduk di

¹⁴ Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke rule, 1841-1941*. Bagaimanapun, buku ini mendapat sanjungan para sarjana kerana mempunyai sudut pandangan rakyat yang tertindas, berbaur pendekatan Marxian. Satu contoh yang menarik juga ialah George Rude, *The Crowd in History: A Study of Popular Disturbances in France and England, 1730-1848*, Serif London, Kuala Lumpur, 1999, pertama terbit 1964.

¹⁵ Contohnya C. Pybus, *The White Rajahs of Sarawak: Dynastic Intrigue and the Forgotten Canadian Heir*, Douglas and McIntyre, Vancouver, 1996; Pauline Hemery, *Emma and the White Rajahs of Dartmoor*; Dalam Bahasa Perancis, contohnya, Halsgrove, Trowbridge, UK, 2002; lihat Lionel Crooson, "Les Rajahs blancs de Borneo", *Historia*, September 2005, ms. 38-43, Paris sering berada di Kuching selama berbulan-bulan menulis sebuah buku mengenai Brooke.

¹⁶ J. H. Walker, *Power and Prowess: The Origins of Brooke Kingship in Sarawak* (Crows Nest, N.S.W.; [Great Britain]: Asian Studies Association of Australia in association with Allen & Unwin, 2002).